

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK MADIUS TANGAU [ TUARAN ]**

**TARIKH : 23.3.2015**

**SOALAN :**

**Datuk Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian sedar tentang kewujudan beribu-ribu kerusi dan meja pelajar yang usang dan sudah dilupuskan di sekolah-sekolah menengah di seluruh Sabah terutama sekali di PPD Tuaran, jika sedar apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk mengganti peralatan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sememangnya prihatin terhadap keperluan penyelenggaraan dan bekalan perabot di sekolah. Semua permohonan pelupusan dan perbekalan keperluan kerusi dan meja di sekolah diselaraskan di peringkat Pejabat Pendidikan Daerah/Jabatan Pendidikan Negeri sebelum dikemukakan kepada Kementerian. Namun agihan perabot adalah berdasarkan keutamaan/keadaan kritikal dan tertakluk kepada jumlah siling peruntukan yang disediakan pada tahun semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2014 KPM telah menurunkan waran peruntukan sebanyak RM 3.22 juta kepada JPN Sabah bagi tujuan penggantian perabot sekolah-sekolah menengah dan

rendah di seluruh negeri Sabah. Manakala bagi sekolah-sekolah daerah Tuaran, sehingga akhir tahun 2014 JPN Sabah sudah membekalkan perabot bernilai RM255,537.00.

RJM47